



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

BULETIN AGRO

CUKUP DAN TERJAMIN



SOROTAN JANUARI 2024

16 JANUARI 2024

MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2024

Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri KPKM bersama-sama warga KPKM telah diadakan di Wisma Tani, Putrajaya.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga KPKM yang memberi kerjasama dan komitmen dengan mempamerkan semangat kerja berpasukan yang cukup tinggi dalam mengharungi tahun 2023 dengan isu *bread and butter* rakyat jelata, namun menuntut tindakan pengukuhan segera dilaksanakan pada tahun 2024.

Kejayaan yang dicapai tahun lepas perlu dipertingkatkan dan kelangsungan agenda membantu rakyat mesti diteruskan.

Tema amanat tahun 2024 iaitu Pengukuhan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) yang diangkat merupakan kesinambungan daripada tema yang digariskan pada tahun lalu iaitu Kemampanan Sektor Agromakanan Teras Mengemudi Cabaran Krisis Global.

Tema ini mengangkat konsep inovasi dalam sektor agromakanan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0).

KPKM sentiasa cakna dalam menggagas tanggungjawab memastikan keterjaminan makanan kekal terjamin.

Pelbagai inisiatif yang mengutamakan kepentingan rakyat khasnya golongan sasar KPKM dalam sektor pertanian dan agromakanan serta pemain industri juga diharap dapat memacu pertumbuhan ekonomi demi kesejahteraan dan kemakmuran negara yang tercinta.

Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM, pengurusan tertinggi KPKM serta Ketua-ketua Jabatan dan agensi di bawah KPKM.



KEBERANGKATAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH ALMUSTA'IN BILLAH KE PLS MARKETING (M) SDN. BHD. SEKINCHAN, SELANGOR

5 Januari 2024

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atas limpah perkenan berangkat ke PLS Marketing (M) Sdn. Bhd. Sekinchan, Selangor pada 5 Januari 2024.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan melawat Muzium Padi Sekinchan serta diberi taklimat berhubung proses penanaman padi oleh Pengarah Pengurusan PLS Marketing, Cik.Allen Lim.

Baginda turut berkenan melawat pusat jualan produk beras dan sesi penanaman padi menggunakan jentera jentanam padi.

Majlis turut dihadiri oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Arthur Joseph Kurup dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali



PERASMIAN JUALAN AGRO MADANI MEGA

6 Januari 2024

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah merasmikan Jualan Agro MADANI Mega di Lotus's Ampang pada 6 Januari yang lalu.

Program ini dianjurkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Sebanyak 47 gerai Jualan Agro MADANI menawarkan barangan keperluan asas dengan penjimatan sehingga 30 peratus lebih rendah daripada harga jualan di pasaran setempat.

Jualan Agro MADANI menjadi platform untuk memperkenalkan produk-produk agro makanan di bawah jenama Peladang dan membuka peluang kepada usahawan Peladang untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran.



KUNJUNGAN HORMAT OLEH TYT SHI YUGANG, TIMBALAN SETIAUSAHA WILAYAH YUNNAN, REPUBLIK RAKYAT CHINA

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Shi Yugang, Timbalan Setiausaha Wilayah Yunnan, Republik Rakyat China (RRC) pada 9 Januari 2024 di Wisma Tani, Putrajaya.

Pertemuan kali pertama kedua-dua pemimpin ini bertujuan membincangkan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian antara Malaysia dan RRC khususnya Wilayah Yunnan.

Nilai dagangan pertanian antara kedua-dua negara telah menunjukkan pencapaian yang progresif. Bagi tahun 2022, nilai dagangan pertanian antara Malaysia dan RRC telah mencatatkan peningkatan sebanyak 15.93% iaitu RM 42.14 bilion berbanding RM 36.35 bilion pada tahun 2021.

Di samping itu, sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan RRC pada tahun ini, kedua-dua negara menyatakan hasrat untuk mengukuhkan kerjasama dengan pelaksanaan pelbagai bentuk program kerjasama. Antaranya ialah menerusi penyertaan dalam pameran pertanian antarabangsa yang dianjurkan oleh kedua-dua negara dan juga kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pembangunan pertanian.

Pada tahun ini, Malaysia akan menganjurkan Malaysia Agriculture, Horticulture & Agro-tourism International Show 2024 (MAHA 2024) dan YB Timbalan Menteri KPKM telah mempelawa penyertaan pihak RRC khususnya Yunnan dalam acara dwi-tahunan tersebut.

PROGRAM SANTAI AKUAKULTUR YBM KPKM BERSAMA MEDIA

22 Januari 2024

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah meluangkan masa melawat ARC Berkat AgroFood Sdn. Bhd. pemenang Anugerah Penternak Cemerlang (Kategori Ikan Air Tawar) 2023 sempena program Santai Akuakultur YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bersama Media pada 22 Januari yang lalu.

Lawatan ini adalah bagi melihat perkembangan semasa sektor penternakan akuakultur di Negeri Selangor. Ia bertepatan dengan salah satu hala tuju KPKM iaitu memperkasakan industri akuakultur yang terus menyumbang kepada sumber perikanan negara.

Lebih ramai golongan muda disarankan untuk menceburi bidang penternakan akuakultur yang mempunyai potensi besar dalam menjana pendapatan, meningkatkan ekonomi negara disamping menjamin kelangsungan dan keterjaminan makanan.

Untuk rekod, pengeluaran akuakultur bagi Negeri Selangor dari tahun 2020 sehingga 2023 adalah sebanyak 90,800.05 tan metrik dengan nilai RM1.25 billion dan pada tahun ini Jabatan Perikanan Selangor menyasarkan pengeluaran akuakultur sebanyak 30,347.70 tan metrik.

MAJLIS PELANCARAN (FLAG OFF) PASCA BENCANA PASUKAN SUKARELAWAN PENJAWAT AWAM (PSPA)

9 Januari 2024

Angkatan penjawat awam Malaysia telah menubuhkan satu pasukan sukarela penjawat awam yang dikenali sebagai Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam (PSPA).

Ia merupakan satu komponen yang boleh berperanan dalam kerja-kerja bantuan dan khidmat kemanusiaan semasa dan selepas bencana serta meningkatkan motivasi penjawat awam dalam apa jua program kesukarelawan.

Ia selari dengan kefungisian Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) di bawah Akta Pertahanan Awam 1951 (Akta 221) untuk melatih orang awam menghadapi segala ancaman bencana dan darurat.

PSPA yang telah ditubuhkan ini terdiri daripada penjawat awam daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Pasukan ini telah dibahagikan kepada dua pasukan yang turut turun membantu di kawasan terjejas di Pahang dan Johor. Misi ini akan berlangsung pada 11 hingga 13 Januari 2024 bagi membantu kawasan yang terjejas. Food Bank telah diserahkan kepada wakil Pasukan Sukarela Penjawat Awam untuk dibawa ke kawasan yang terjejas.

AGROBANK PERLUAS PERKHIDMATAN DENGAN PENYEDIAAN PUSAT PEMBANGUNAN KOMUNITI DI RTC TUNJUNG

9 Januari 2024

Agrobank memperkenalkan Pusat Pembangunan Komuniti atau *Community Development Centre* (CDC) yang pertama berteraskan pembangunan masyarakat luar bandar sebagai hab inovasi pertanian, pendidikan dan penglibatan komuniti setempat.

CDC ini juga menyediakan perkhidmatan pembangunan modal insan dalam mengintegrasikan petani dan teknologi untuk meningkatkan kecekapan yang merangkumi penggunaan alat pertanian khusus, perisian pengurusan ladang dan peranti IoT.

Ia juga menyokong pembangunan mampan dalam penyampaian faedah ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk mewujudkan nilai perniagaan yang besar seperti alam sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan kerjasama dengan agensi kerajaan serta NGO.

Majlis pelancaran CDC telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Hadir sama, delegasi kementerian dan agensi – agensi negeri serta pengurusan tertinggi Agrobank.

Pelancaran CDC julung kali ini menjadi teras kepada pembangunan pusat seumpamanya meliputi seluruh negara.



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB) ALA SEKINCHAN, PEKAN, PAHANG 22 Januari 2024

Seri Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bersama Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj hari ini berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan, Pekan, Pahang.

Seiring dengan kemajuan teknologi Kementerian pertanian dan keterjaminan makanan (KPKM) mengorak langkah dengan memperkenalkan satu model baharu di bawah Program SMART SBB iaitu dengan membawa kejayaan pelaksanaan padi di kawasan Sekinchan, Selangor untuk diaplikasi ke kawasan padi yang lain.

SMART SBB Ala Sekinchan yang merupakan model baharu di bawah program ini menerapkan amalan pertanian berhasil tinggi dengan mempraktikkan *Knowledge, Attitude* dan *Practice* dilancarkan pada bulan Mei 2023

dan telah dilaksanakan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), IADA Kemasin Semarak, Kelantan dan IADA KETARA, Terengganu.

Bagi negeri Pahang, model baharu yang dikawalselia oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan bersama sebuah syarikat peneraju telah diadakan di Skim Merchong. Secara keseluruhan kawasan ini mempunyai keluasan sekitar 4,134 hektar dengan bilangan seramai 1,716 orang pesawah.

Terdapat sepuluh Kumpulan Pengguna Air (KPA) di bawah Skim Merchong dan projek ini akan memberi fokus utama kepada KPA Permatang Durian. Bagi Fasa Pertama pelaksanaan projek ini, ianya akan melibatkan seramai 84 orang peserta dengan kawasan usaha seluas 168 hektar.

**Ala
Sekinchan,
Pekan,
Pahang**



MAJLIS SENTUHAN AGOMADANI NEGERI KELANTAN

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah hadir merasmikan Majlis Sentuhan Agro MADANI peringkat Negeri Kelantan di RTC FAMA, Tunjung, Kota Bharu Kelantan.

Majlis ini diadakan bagi menyantuni dan menyampaikan kit bantuan banjir kepada mangsa yang terlibat.

Pada majlis ini beberapa bantuan telah disampaikan seperti berikut:

- Bantuan Khas Sumbangan Tunai Kepada Pesawah Fasa 2 – RM4,321,200.00;
- Kit Bantuan Banjir Kepada Warga KPKM Negeri Kelantan;

- Kit Bantuan Banjir kepada golongan sasar terjejas banjir.

KPKM amat mengambil berat akan kesukaran yang dihadapi oleh kumpulan sasar susulan banjir yang diakibatkan Monsun Timur Laut.

Majlis turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan, YB Tuan Saripuddin bin Tuan Ismail ; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham bin Mohd ; Pengerusi Agensi dan Pegawai Kanan KPKM dan negeri.





**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



**MALAYSIA
MADANI**



@kpkmmalaysia

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN**

WISMA TANI, PRESINT 4,
62624 PUTRAJAYA

www.kpkm.gov.my

BuletinAgro